



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# **SIARAN MEDIA**

## **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

### **WARGA KEMENTERIAN WILAYAH HARUS MENJAGA INTEGRITI SEMASA BEKERJA**

**PUTRAJAYA, 31 Oktober 2018** - YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad, Menteri Wilayah Persekutuan bersama-sama 300 warga Kementerian Wilayah Persekutuan meraikan Sambutan Hari Psikologi dan Integriti peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan yang diadakan pada hari ini dengan tema “Kesejahteraan Psikologi Pemangkin Insan Berintegriti”.

Sambutan Hari Psikologi selari dengan sambutan Hari Kesejahteraan Mental Sedunia yang diisytiharkan oleh World Health Organization (WHO) pada 10 Oktober setiap tahun. Manakala Hari Integriti Kebangsaan pula disambut pada setiap 5 November bagi membudayakan integriti sebagai cara hidup dan amalan masyarakat Malaysia.

Sebelum ini, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) pernah menyatakan 30% daripada 1.6 juta penjawat awam di negara ini menghadapi masalah psikiatri berikutan bebanan kerja semakin bertambah.

Oleh itu, kementerian sentiasa melaksanakan program-program yang dapat meningkatkan lagi kesejahteraan psikologi bersama warga kerja Kementerian Wilayah Persekutuan seperti mengadakan program sukan dan program-program kesenian. Malah, pengisian program yang dapat menyemarakkan semangat berintegriti turut ditekankan.

Pembudayaan amalan integriti ini diharap dapat melahirkan warga kerja yang lebih efisien, produktif dan beretika serta mewujudkan mekanisme kawalan melalui peraturan dan dasar yang telah ditetapkan dipatuhi bagi mengurangkan statistik kesalahan tatatertib di Kementerian ini.

Program ini dianjurkan dengan kerjasama Kelab Sukan & Kebajikan Wilayah Persekutuan (KESWIP), PUSPANITA dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam turut mengadakan kempen derma darah bagi membantu menambahkan tabung darah di Pusat Darah Negara.

**Disediakan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
**31 Oktober 2018**